

17/02/2003

Yasser Arafat minat hadir sidang NAM

KUALA LUMPUR: Presiden Palestin, Yasser Arafat, berminat menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di sini dan menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Penasihat Undang-Undang Pihak Berkuasa Palestin, Michael Tarazi.

Bagaimanapun katanya, ketua Pihak Berkuasa Palestin (PA) itu masih berada dalam dilema kerana menghadapi masalah untuk keluar dari bumi Palestin.

"Yang saya tahu, Arafat dijemput Perdana Menteri (Dr Mahathir) dan meminta beliau dibenarkan ke sidang NAM. Tetapi keadaan sekarang amat sukar bagi Arafat untuk hadir," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Berita Harian ketika ditemui selepas membentangkan kertas kerja pada persidangan Keamanan Sejagat anjuran Perikatan Keamanan Malaysia (Aman Malaysia) di sini, semalam.

Pergerakan Arafat kini terhad sejak setahun lalu dan hanya berurusan di ibu pejabatnya di Ramallah, Tebing Barat akibat sekatan tentera Israel, yang mengancam tidak akan membenarkannya kembali jika keluar dari situ.

Tarazi berkata, keadaan itu membimbangkan Arafat iaitu sama ada beliau dibenarkan kembali ke bumi Palestin jika keluar dari Ramallah.

"Keadaan itu memang membimbangkan. Kalau beliau dibenar keluar, apakah ada jaminan Arafat boleh kembali (ke Ramallah)? Jika beliau keluar pula, apakah tindakan mereka (Israel) terhadap beliau?"

"Sama ada dibenar keluar atau tidak, Arafat sebenarnya adalah pemimpin Palestin yang dipilih secara demokratik oleh rakyat Palestin," katanya.

Tarazi berkata, berdasarkan keadaan semasa di Palestin, timbul persoalan sama ada Arafat berani mengambil risiko yang amat tinggi untuk keluar dari bumi itu bagi menghadiri sidang NAM di sini.